

## PERATURAN-PERATURAN KOPERASI 1995

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 86 Akta Koperasi 1993, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

### **BAHAGIAN I**

#### **PERMULAAN**

##### **1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Koperasi 1995** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 hb Januari 1995

##### **2. Tafsiran.**

Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

"Akta" ertinya Akta Koperasi 1993;

"anggota eksekutif lembaga" ertinya mana-mana orang yang dilantik sebagai anggota sepenuh masa Lembaga koperasi berdaftar dan terlibat dengan pentadbiran dan pengurusan harian urusan dan perniagaan koperasi berdaftar itu;

"Menteri" ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan pembangunan koperasi.